

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

## 10 new cases detected, all linked to case No. 33

**PETALING JAYA:** The Health Ministry has detected 10 new Covid-19 cases, bringing the total number of cases in Malaysia to 93.

The patients were being given further treatment, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"All the new cases are due to close contact with case number 33. Four cases – 85, 86, 87 and 93 – are first-generation close contact with case number 33," he said in a statement.

"Six new cases are second-generation close contact with case number 33.

"All of the cases were detected during contact tracing and were admitted to hospital for isolation and further treatment," he said.

"The ministry would also like to inform that case number 78, which was reported on March 6, was detected from a Patient Under Investigation (PUI).

"The case has a travel history to Indonesia for a period of seven days from Feb 13 to 19.

"A total of 67 close contacts were identified and their samples had been taken. All of the close contacts have been put under observation and monitoring at home.

"From the total of 93, 75 cases involved Malaysians, 15 Chinese nationals and three from the United States, Japan and Italy," he said.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NASIONAL

## Lagi 10 kes baharu

Jangkitan Covid-19 di Malaysia catat 93 kes sehingga semalam

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Jumlah mangsa yang positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 93 kes dengan penambahan 10 kes baharu direkodkan Kementerian Kesihatan (KKM) semalam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua kes baharu yang dilaporkan itu merupakan kontak rapat kepada kes ke-33.

"Kesemua kes telah dikesan semasa aktiviti pengesanan kontak dan telah dimasukkan ke hospital bagi isolasi dan rawatan selanjutnya.

"KKM juga ingin memaklumkan bahawa hasil siasatan terkini terhadap kontak-kontak rapat kepada kes ke-26 mendapati satu kluster jangkitan Covid-19 berkait dengan kes



DR NOOR HISHAM

ke-33," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, sejumlah 132 kontak rapat juga

telah dikenal pasti berkait dengan kes itu.

Katanya, daripada jumlah tersebut, 18 kes telah disahkan positif dan kini masih dirawat di hospital.

"Kesemua mangsa juga berada dalam keadaan stabil, manakala seramai 38 kontak rapat adalah negatif dan diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah untuk tempoh 14 hari.

"Keputusan makmal bagi 76 lagi kontak rapat masih belum diperolehi, namun semua kontak rapat itu dilaporkan sihat

dan diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah.

Katanya, KKM masih menjalankan siasatan dan aktiviti pengesanan kontak rapat masih diteruskan bagi mengenal pasti punca di mana kes mendapat jangkitan dan seterusnya mencegah penularan jangkitan tersebut.

Sementara itu, sejumlah 93 kes positif yang direkodkan setakat jam 12 tengah hari itu terdiri daripada 75 rakyat Malaysia, 15 China dan masing-masing satu kes melibatkan warga Amerika Syarikat, Jepun dan Itali.

### Tiada kes sporadik Covid-19 dikesan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan tiada kes sporadik koronavirus (Covid-19) dikesan di Malaysia setakat ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, keputusan itu diperolehi selepas aktiviti surveilans dijalankan bagi mengesan kes sporadik dan kes tempatan melalui pesakit *influenza-like-illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI).

Menurutnya, pengesanan itu turut

melibatkan mereka yang tiada kaitan dengan sejarah perjalanan ke negara-negara yang terjejas atau kontak dengan kes positif wabak tersebut.

"Sehingga hari ini (semalam), sebanyak 432 sampel diuji dan setakat ini tiada sampel dikesan positif jangkitan Covid-19.

"Berdasarkan maklumat semasa, tiada kes sporadik Covid-19 yang dikesan melalui aktiviti surveilans," katanya dalam satu kenyataan semalam.

## Agong titah rakyat bantu KKM tangani Covid-19

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan rakyat Malaysia untuk memainkan peranan membantu Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menangani penularan jangkitan koronavirus (Covid-19) di negara ini.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin dalam kenyataan semalam berkata, Seri Paduka turut menzahirkan kebimbangan berikutan pengesanan 28 kes baharu jangkitan Covid-19 kelmarin.

Justeru, Ahmad Fadil berkata, Seri Paduka menyeru rakyat memberi kerjasama sepenuhnya kepada KKM bagi proses siasatan dan mengenal pasti kontak rapat pesakit baharu tersebut agar jangkitan Covid-19 dibendung dengan segera dan berkesan.

"Seri Paduka bertitah rakyat turut digesa menghubungi Khidmat Nasihat Kesihatan Dalam Talian atau Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Negara CPRC) melalui laman sesawang KKM untuk sebarang keraguan dan pertanyaan serta maklumat," katanya.

Beliau berkata, Seri Paduka menasihatkan rakyat supaya patuh kepada panduan dan langkah pencegahan yang dikeluarkan KKM untuk mengelak penularan Covid-19.

Katanya, Yang di-Pertuan Agong turut menasihatkan penganjur-penganjur majlis menjalankan saringan gejala dan sejarah perjalanan ke China dalam tempoh 14 hari kebelakangan dari tarikh program terhadap peserta selain menyediakan cecair pembasmi kuman yang mencukupi.

Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah menzahirkan penghargaan dan terima kasih atas tindakan segera, rawatan dan pemantauan berterusan oleh KKM serta agensi berkaitan. - *Bernama*



AL-SULTAN ABDULLAH

### Malindo minta kakitangan bercuti tanpa gaji

SHAH ALAM - Permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan yang merosot akibat penularan koronavirus (Covid-19) memaksa syarikat penerbangan tambang murah Malindo Air melaksanakan beberapa langkah bagi menghadapi kekurangan pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Malindo Air, Kapten Mushafiz Mustafa Bakri berkata, langkah tersebut termasuk meminta kakitangan mengambil cuti dua minggu tanpa gaji.



Malindo Air melaksanakan beberapa langkah bagi menghadapi kekurangan pendapatan.

Selain itu, katanya, pihaknya juga menggantung penerbangan dan merayu pembekal untuk penangguhan bayaran serta meminta kakitangan mengambil cuti tanpa gaji secara sukarela.

"Dengan hati yang berat, tanpa banyak lagi pilihan kukuh kami kini tiada pilihan selain meminta anda mengambil potongan hingga 50 peratus daripada gaji asas untuk beberapa bulan akan datang sehingga keadaan kembali normal," katanya dalam satu memorandum.

Difahamkan sebagai sebahagian daripada potongan gaji itu, kakitangan diminta mengurangkan bilangan hari bekerja mereka hingga 15 hari sebulan.

Sementara itu, seorang kakitangan Malindo Air yang enggan namanya didedahkan memberitahu *Sinar Harian* bahawa kakitangan syarikat itu bersetuju dengan langkah yang diambil bagi menyerap impak kos operasi akibat penularan Covid-19.

"Kami bersetuju kerana sekurangnya kami tidak diberhentikan. Itu ini akibat daripada Covid-19," katanya.

### KKM nafi Putrajaya diancam Covid-19



KKM menafikan dakwaan kononnya Putrajaya diancam wabak koronavirus (Covid-19) sebagaimana tular dalam media sosial.

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan menafikan dakwaan bahawa Putrajaya diancam wabak koronavirus (Covid-19) sebagaimana tular di media sosial semalam.

Kementerian itu menerusi hantaran di Facebook meminta kerjasama semua pihak supaya menghentikan perkongsian yang boleh menimbulkan kekeliruan orang ramai.

"Jika tidak pasti, jangan kongsi dengan sesiapa, sebaliknya rujuklah mak-

lumat yang sah di kesemua platform rasmi media sosial KKM. Terima kasih," menurut KKM di Facebook semalam.

Sejak kelmarin rakaman berdurasi 0.44 saat yang berbunyi: "Saya difahamkan Hospital Putrajaya tengah sesak dan ada beberapa kawasan, pejabat dan kakitangan awam dijangkiti dan disyaki dijangkiti."

"Saya bagi tahu kalau tidak ada apa-apa urusan mendesak jangan mendekati Putrajaya."